
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Akhir
Sidang Akademik 2015/2016

Mei/Jun 2016

JMK 313 – Sastera Melayu Klasik Bercorak Islam

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **LIMA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab **EMPAT** soalan sahaja.

Baca arahan dengan teliti sebelum anda menjawab soalan.

Setiap soalan diperuntukkan 25 markah.

Pilih dan jawab 4 soalan sahaja.

1. Hasil karang-mengarang pada zaman kegemilangan Melayu-Islam khususnya di Aceh telah memperkenalkan suatu bentuk kesusasteraan Melayu bercorak sastera kitab. Huraikan bagaimanakah tulisan-tulisan tersebut dapat digolongkan sebagai tulisan sastera, dan ciri-ciri yang menyebabkan tulisan-tulisan itu dikategorikan sebagai sastera kitab?

(25 markah)

2. Sebahagian besar naskhah sastera Melayu-Islam telah dibakar di Aceh berikutan perselisihan faham antara para ulama pada zaman tersebut. Perihalkan sebab-sebab berlakunya perselisihan beserta doktrin-doktrin, pemikiran, serta pegangan para ulama dan pemerintah, juga kesan daripada peristiwa itu. Kemudian, terangkan secara ringkas sumbangan nama-nama ulama seperti yang tertera di bawah:

- (a) Nuruddin al-Raniri
- (b) Hamzah Fansuri
- (c) Abdul Rauf Singkel
- (d) Shamsuddin al-Sumatrani
- (e) Bukhari al-Jauhari

(25 markah)

3. Hamzah Fansuri dikenali sebagai penyair ulama kontroversi, kerana karangan-karangan beliau yang berbentuk sufi bercanggah dengan pemikiran para penyair konvensional di Aceh. Walau bagaimanapun, dari sudut kesusasteraan, karya-karya Hamzah Fansuri begitu bernilai, bermakna, dan indah. Berdasarkan *Syair Burung Pungguk* karangan Hamzah Fansuri, kaji keindahannya menggunakan mana-mana teori sastera yang telah anda pelajari iaitu stilistik, semiotik, ataupun alegori. (Rujuk Lampiran).

(25 markah)

4. Siti Zubaidah lebih dianggap sebagai wira berbanding suaminya Zainal Abidin, dalam *Syair Siti Zubaidah Perang China*. Jelaskan ciri-ciri wira menerusi watak Siti Zubaidah, dan bagaimana wira ini berfungsi mendorong jalan cerita sehingga melengkapi konvensi cerita hikayat seperti yang dijelaskan oleh V. Propp dalam *The Function of Dramatis Personae*.

(25 markah)

5. *Taj Us-Salatin* difahami sebagai "kemahkotaan raja-raja" ataupun "kod etika raja-raja" berlandaskan Islam. Sastera berbentuk undang-undang ini ditulis oleh Bukhari al-Jauhari dengan memasukkan beberapa hadis, contoh peristiwa, dan rukun yang perlu menjadi pedoman kepada golongan pemerintah dan masyarakat. Huraikan peri pentingnya genre sastera ini kepada ketamadunan bangsa dan kelangsungan agama.

(25 markah)

6. Huraikan dengan ringkas konsep *Nur Muhammad* yang dikatakan asal segala kejadian. Kemudian, perincikan simbolik *Nur Muhammad* dengan unsur tanah, air, api, dan angin, serta jelaskan ciri-ciri sastera yang terdapat dalam *Hikayat Nur Muhammad* ini.

(25 markah)

LAMPIRAN

SYAIR BURUNG PUNGGUK

Bismillah itu mula dikata
limpah rahmat terang cuaca
berkat Muhammad penghulu kita
ialah penghulu alam pendeta

Pertama mula pungguk merindu
berbunyilah guruh mendayu-dayu
hatinya rawan bercampur pilu
seperti dihiris dengan sembilu

Dari hati terlalu murung
dikarang syair seekor burung
sakitnya hati dendam berkurung
gila merawan segenap lorong

Pungguk bermadah seraya merawan
"wahai bulan, terbitlah tuan,
gundahku tidak berketahuan
keluarlah bulan tercelah awan,"

Ketika bulan sedang berkurung
pungguk terbang segenap lorong
ramai bertanya sekalian burung
pungguk wahai mengapa nan murung

Bulan purnama cahayanya terang
bintang seperti intan dikarang
rawannya pungguk bukan sebarang
berahikan bulan di tanah seberang

Gemerlapan cahaya Bintang Kertika
beratur madjelis bagai dijangka
sekaliannya bintang terbit belaka
pungguk melihat kalbunya duka

Rawannya pungguk tidak terperi
melihat bintang pari-pari
bulan purnama cahayanya berseri
haram tak boleh pungguk hampiri

Terbitlah bintang sebelah wetan
cahayanya limpah di tengah lautan
pungguk bercinta berlarat-laratan
menantikan sampai janji suratan

Hari malam bulan nan terang
paksi berbunyi suaranya jarang
merak berbunyi segenap jurang
cengkerik bersyair mengatur sarang

Sebuah tilam kita beradu
mendengarkan bunyi pungguk merindu
suaranya halus tersedu-sedu
laksanakan orang berahikan jodoh

Pungguk merawan setiap hutan
sebilang jitun berlompatan
bulan mengandung di sebelah lautan
dengannya bersambut-sambutan

Bukannya muda mandi bergempa
tidak kuasa duduk bercinta
ayuhai kakanda adinda bunuhlah sahaya
tidak kuasa mandi berlimbah

Pungguk terbang dengan beraksa
di dalam hati rusak binasa
tubuhnya halus samar berasa
digoda bulan dari angkasa

Tengah malam pungguk terjaga
melihat Bintang Puyuh Berlaga
bintang Belantik beratur tiga
cahayanya terang tidak terhingga

Di atas beraksa berapa lama
gilakan cahaya bulan purnama
kalau bulan jatuh kerama
di manakah dapat pungguk bersama